

Kelebihan RSPO pada pekebun kecil

KUALA LUMPUR 19 Nov. - Pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) membolehkan pekebun kecil menikmati harga premium yang lebih baik bagi pengeluaran buah tandan segar (BTS).

Pengarah Institut Pertanian dan Pengajian Dasar Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Shaufique Sidique berkata, perkara itu juga didorong oleh kilang pemprosesan sawit yang memperoleh pensijilan RSPO dalam menjalankan penggredan buah, harga dan pembayaran untuk buah sawit.

Katanya, pensijilan RSPO menyediakan platform kepada pekebun kecil sebagai satu unit yang membolehkan

urusan tawar menawar dijalankan dari segi pembelian, permintaan untuk perkhidmatan dilanjutkan, pengangkutan dan jualan BTS.

“Sehubungan itu, kumpulan pengurus harus memainkan peranan penting untuk menguruskan pensijilan dalam pekebun kecil ini.

“Ia bukan sahaja untuk tujuan pensijilan semata-mata sebaliknya amat penting sebagai entiti perniagaan dalam sektor perladangan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam pembentangan kertas kerja mengenai Kesan Pensijilan RSPO kepada Kehidupan dan Kelestarian : Hasil Kajian Pekebun Kecil di Malaysia Timur pada Persidangan RSPO sempena Mesyuarat Meja Bulat kali ke-

13 (RT13) di sini semalam.

Persidangan tersebut dihadiri lebih 800 wakil dari 44 buah negara yang membincangkan perkembangan terbaharu RSPO dalam pengeluaran minyak sawit.

Setakat ini, ladang pekebun kecil di Malaysia merangkumi 38 peratus daripada keseluruhan kawasan tanaman sawit dengan 14 peratus daripadanya ialah pekebun kecil persendirian.

Menurut Shaufique, berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas 176 pekebun kecil yang bekerja di Keresu, Sarawak dan Sapi, Sabah mendapati antara faktor yang mendorong mereka memohon pensijilan RSPO kerana mahu menjual BTS pada harga premium.